



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/03/53 (HQ)

### LSS SEPANG TNB PAMER PRESTASI KONSISTEN UNTUK DUA TAHUN BERTURUT-TURUT

Ladang Solar Berskala Besar (LSS) pertama **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** di Sepang merekodkan lebih jumlah tenaga maksimum yang diisytiharkan untuk dua tahun berturut-turut menerusi pengurusan loji secara pintar dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (artificial intelligence) serta teknologi analisis data.

Pada tahun pengoperasian pertama sepanjang 2019, ladang solar itu telah merekodkan lebih tenaga yang diisytiharkan kepada penerima iaitu TNB sebanyak 6% atau lebih daripada 110,000 megawatt jam (MWh).

Prestasi operasi yang baik ini turut diulangi pada tahun 2020 dengan penjanaan tenaga berjumlah 108,900 MWh atau 5% lebih daripada yang diisytiharkan.

“Kami berjaya mengoptimumkan operasi ladang solar ini dengan menggunakan teknologi pemantauan dan analisis data,” kata Pengarah Urusan Tenaga Renewables Sdn Bhd (TRe), Mohd Yusrizal Mohd Yusof. TRe adalah anak syarikat milik penuh TNB.

Jelas beliau, teknologi itu antara lain telah membolehkan TNB untuk mengenalpasti waktu yang paling sesuai untuk membersihkan panel solar berdasarkan tahap penjanaan tenaga dan ramalan cuaca.

“Menerusi penggunaan teknologi analisis terkini (pengoptimuman pembersihan), kita dapat mencapai penjimatan kos operasi tahunan sehingga RM160,000,” kata beliau selepas sesi lawatan Ahli Lembaga Pengarah TNB, Dato’ Ir. Nawawi Ahmad dan Datuk N. Rawisandran ke ladang solar itu, minggu lalu.

“TRe komited untuk menggunakan penyelesaian inovatif bagi membangunkan keupayaan TNB untuk menjadi pengurus serta pemaju aset RE terkemuka dalam Malaysia dan rantau ini,” tambah Yusrizal.

Terletak di Mukim Tanjung 12, Kuala Langat, Selangor, ladang solar berkapasiti 50 megawatt (MW) ini dilengkapi dengan 238,140 panel fotovoltaik.

Ladang solar yang diurus TRe itu memulakan operasi komersialnya pada November 2018. Kecemerlangan TRe dalam pengurusan ladang solar itu telah meraih pengiktirafan daripada Frost & Sullivan dengan Anugerah Pemaju Tenaga Boleh Baharu Malaysia bagi tahun 2020.

Kagum dengan prestasi LSS, Nawawi berkata ladang solar itu mencerminkan kekuatan TNB dalam membangunkan dan menguruskan projek ladang solar yang berjaya di Malaysia.

Selain LSS Sepang, TRe juga telah membangunkan LSS Bukit Selambau di Sungai Petani, Kedah. Ia memulakan operasi komersialnya pada 8 September 2020, 114 hari lebih awal dari yang dijadualkan. Ladang berkapasiti 30MW itu dilengkapi dengan 134,880 panel solar fotovoltaiik.

“Berebalkan pengalaman yang kita peroleh setakat ini, saya harap TNB dapat terus memacu perkembangan RE di dalam negara menerusi lebih banyak pembangunan ladang solar,” kata Nawawi.

Datuk N. Rawisandran berkata penggunaan teknologi terkini di ladang solar itu membolehkan TNB memaksimumkan kecekapan ladang itu dan menjana lebih banyak tenaga bersih bagi grid nasional.

Kedua-dua LSS Sepang dan LSS Bukit Selambau telah dianugerahkan oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) (kini Kementerian Tenaga dan Sumber Asli – KeTSA) menerusi Suruhanjaya Tenaga, melalui Program Bidaan Kompetitif LSS 1 dan 2.

TNB adalah satu daripada 30 syarikat yang disenarai pendek oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk pembidaan pembangunan projek solar berskala besar 4 (LSS 4)@MEnTARI.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 24 Mac 2021, jam 1:30 petang**  
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /  
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Ahli Lembaga Pengarah Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dato' Ir. Nawawi Ahmad (kiri) dan Datuk N. Rawisandran melihat dengan lebih dekat panel solar fotovoltaik di ladang Solar Berskala Besar (LSS) di Sepang semasa satu lawatan pada 18 Mac 2021.



Ketua Pegawai Operasi Tenaga Renewables Sdn Bhd (TRE), Khirul Nizam Shamsudin (kanan) memberi penerangan tentang prestasi ladang solar berskala besar (LSS) di Sepang kepada Ahli Lembaga Pengarah TNB, Dato' Ir. Nawawi Ahmad (empat dari kanan) dan Datuk N. Rawisandran (dua dari kanan) di bilik kawalan semasa satu lawatan pada 18 Mac 2021.